

RATU, RAJA PECUT SUKIPT MILIK ZAIDATUL, AQIL

BANGI 7 Feb. – Pemegang rekod kebangsaan Zaidatul Husniah Zulkifli dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pelari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Mohd. Aqil Yasmin dinobatkan selaku Ratu dan Raja Pecut Sukan Institut Pengajian Tinggi (SukIPT) 2018 selepas menjuarai acara 100 meter semalam.

Temasya edisi keempat itu menyaksikan Zaidatul merampas kembali pingat emas yang kali terakhir dimenanginya dalam SukIPT 2016 apabila mencatatkan masa 12.04 saat.

Bagaimanapun Zaidatul yang memegang rekod wanita terpantas negara dengan masa 11.45s ketika Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan pada Mac tahun lepas gagal mengatasi 11.67s yang dilakukannya dalam edisi sebelum ini.

Sementara itu, Mohd. Aqil mengetepikan pelari pecut kebangsaan Jonathan Nyepa dari UPM untuk merangkul pingat emas dengan masa 10.78s. Bagaimanapun catatan masa Mohd. Aqil gagal mengatasi



catatan masa 10.53s yang dilakukan Harith Ammar Sobri dari UM pada 2016.

Harith Ammar yang turut mengambil bahagian sekadar menduduki tempat keenam dengan masa 11.07s.

Sementara itu, UPM menguasai lapang sasar apabila membolot kesemua emas yang dipertandingkan pada hari terakhir acara memanah.

Kemenangan tersebut membolehkan mereka membawa pulang enam emas keseluruhan, mengatasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang mengutip lima.

Pada hari terakhir, kesemua emas yang dimenangi UPM hadir menerusi acara *recurve* berpasukan wanita, *recurve* berpasukan lelaki serta *compound* berpasukan lelaki dan wanita.